

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL)

1. **ARKITEK GRED J41 (TETAP : KEKOSONGAN 1)**

Tangga Gaji P1 RM2,359.72 (Minimum) - RM6,896.67 (Maksimum)

Kelayakan :

- (a) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji permulaan : RM 2,567.28)
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Senibina adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Arkitek Gred J41 apabila :

- (i) telah disahkan dalam perkhidmatan;
- (ii) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas; dan
- (iii) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta, Kampus Gambang.

Keutamaan kepada calon :

- (a) kelulusan dalam bidang Seni Bina.**
- (b) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 3 tahun di dalam bidang seni bina.**
- (c) mempunyai pengalaman dalam rekabentuk hiasan dalaman, pengurusan projek dan pengurusan landskap.**
- (d) memiliki kemahiran dan kepakaran penggunaan perisian Auto Cad dan Sketchup.**
- (e) memiliki Kepujian sekurang-kurangnya C6 dalam Bahasa Inggeris pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.**

- (f) mencapai sekurang-kurangnya CGPA 3.00 pada peringkat ijazah sarjana muda (tertakluk kepada budibicara Jawatankuasa Pemilihan).

JAWATAN PENTADBIRAN (KUMPULAN PELAKSANA)

1. **PENOLONG JURUTERA GRED J29 (TETAP : KEKOSONGAN 1)**

Tangga Gaji P1 RM1,750.82 (Minimum) - RM4,456.92 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) Diploma dalam bidang Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
(Gaji Permulaan : RM1,826.02)
- dan (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Syarat Lantikan Tambahan

Bagi jawatan yang ditawarkan di Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta, Kampus Gambang.

Keutamaan kepada calon :

- (a) kelulusan dalam bidang Seni Bina.
- (b) mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 1 tahun di dalam bidang seni bina.
- (c) mempunyai pengalaman dalam rekabentuk hiasan dalaman.
- (d) memiliki kemahiran dan kepakaran penggunaan perisian Auto Cad dan Sketchup.

2. **PENGAWAL KESELAMATAN GRED KP11 (KONTRAK : KEKOSONGAN 2)**

Tangga Gaji P1 RM836.90 (Minimum) - RM2,458.15 (Maksimum)

Kelayakan:

- (a) (i) Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
(Gaji permulaan : RM836.90); atau
- (ii) bekas Konstabel Polis Diraja Malaysia atau Prebet Angkatan Tentera Malaysia yang telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
(Gaji permulaan : RM836.90);

- (b) mempunyai syarat-syarat ukuran fizikal dan pancaindera seperti yang berikut:
- (i) tinggi sekurang-sekurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa bersepatu;
 - (ii) berat badan sekurang-sekurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
 - (iii) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
 - (iv) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan V/6/9 tanpa menggunakan cermin mata; dan
 - (v) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat;
- dan (c) calon yang memiliki kelayakan di perenggan (a) (i) hendaklah lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah/Sijil Rendah Pelajaran atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

Bagi jawatan yang ditawarkan di Bahagian Keselamatan, Kampus Gambang dan Kampus Pekan.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik UMP berasaskan pengalaman kerja berkaitan.

SYARAT-SYARAT UMUM

Pemohon-pemohon yang memohon jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat dalam skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

TARAF JAWATAN

Jawatan akan dilantik secara **tetap ataupun kontrak**.

PERMOHONAN OLEH PEGAWAI YANG SEDANG BERKHIDMAT

Pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah mengemukakan permohonan **melalui Ketua Jabatan** masing-masing dengan menyertakan salinan Laporan Penilaian Prestasi Tahunan tiga (3) tahun terakhir, salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan ulasan majikan sama ada menyokong atau tidak permohonan selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012, Para 18.

UMUR PADA TARIKH TUTUP IKLAN

Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan dan berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat secara **Online** dengan mengisi maklumat pemohon di laman web rasmi UMP iaitu <http://www.ump.edu.my>. Calon diwajibkan mencetak **Surat Pengesahan Permohonan Online (Selepas tamat mengisi butiran permohonan melalui web rasmi UMP)**. Permohonan yang tidak dibuat secara **Online** melalui laman web rasmi UMP tidak akan dilayan.

Sila nyatakan jawatan yang dimohon di penjurua kiri muka hadapan sampul surat.

Permohonan yang lengkap beserta dengan salinan-salinan sijil akademik dan lain-lain dokumen berkaitan hendaklah dihantar kepada :

PENDAFTAR

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG,
LEBUHRAYA TUN RAZAK,
26300 GAMBANG, KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR
(U/P : UNIT PERJAWATAN & CUTI BELAJAR,
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA)**

CATATAN AM

- (a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan daripada tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Pemohon yang pernah membuat permohonan pada iklan-iklan yang lalu dinasihatkan mengemukakan semula permohonan jika masih berminat dan layak.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN ATAS TALIAN

Pada 25 Oktober 2013.

TARIKH AKHIR PENERIMAAN DOKUMEN PERMOHONAN

Tarikh akhir penerimaan dokumen permohonan setelah mengisi maklumat di laman web rasmi UMP, <http://www.ump.edu.my> adalah pada 1 November 2013.